



KADAR AGIHAN ZAKAT DAN PROGRAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN ASNAF DI SARAWAK BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020: SATU SOROTAN KAJIAN

Husnia Qasrina Binti Abdul Arrahmannia
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak

Dayangku Nurfarhana Aleeza Binti Awang Ramzi
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak

Sofea Khairuniesa Binti Sawal
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak

Nur Iqmalniza Binti Mahmut
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak

Nur Athirah Binti Rosli
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak

Aemy Bin Aziz
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak
Email: aemy@uitm.edu.my

ABSTRAK

Agihan zakat merupakan satu elemen terpenting dalam pembangunan dan peningkatan taraf hidup golongan asnaf dan masyarakat di Malaysia. Melalui agihan zakat yang dilakukan mampu meningkatkan kuasa beli dikalangan golongan asnaf disamping mampu meningkatkan taraf hidup mereka. Agihan zakat yang dilakukan menjurus kepada golongan yang memerlukan dan tidak berkeupayaan untuk meningkatkan pendapatan mereka dalam berbelanja. Oleh itu dengan agihan zakat ini dapat meringankan beban mereka bagi memenuhi keperluan asas dalam kehidupan. Selain itu juga program bantuan pendidikan merupakan salah satu bentuk bantuan terpenting kepada golongan asnaf fakir dan miskin kerana pendidikan merupakan salah satu kaedah atau tiket penting yang dapat mengubah kehidupan dan mengeluarkan golongan ini daripada kepompong kemiskinan. Disebabkan oleh kepentingan pendidikan ini kepada golongan asnaf fakir dan miskin, maka institusi zakat giat memainkan peranan dalam menyalurkan dana zakat dalam bentuk bantuan pendidikan kepada golongan asnaf dan memastikan golongan asnaf fakir miskin ini mendapat peluang pendidikan dan berjaya seperti orang lain. Oleh itu kertas kajian ini akan melihat sejauh mana program pembangunan dan agihan zakat telah dijalankan di negeri Sarawak bagi tahun 2016-2020, dan siapakah golongan sasaran yang terlibat dalam agihan yang dilakukan oleh pihak Tabung Baitulmal Sarawak.

Kata kunci: Agihan zakat, Pembangunan Pendidikan, Sarawak, Sorotan Kajian

PENGENALAN

Penubuhan ummah yang tinggi kualiti memerlukan sumber dana dan alat kewangan yang kukuh supaya dapat memastikan tujuan keseluruhan rancangan dapat dicapai. Zakat adalah salah satu alat profesion yang turut berperanan penting dalam memantapkan taraf ekonomi orang Islam memastikan kejujuran dan keseimbangan sosial dengan mengurangkan jurang pendapatan masyarakat. Melalui kewajipan zakat, Islam telah mewujudkan sifat penyayang dan tanggungjawab kepada setiap orang Islam supaya mereka dapat menjaga keperluan sosial golongan tersebut (al-Qardawi, 1991). Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Tawbah 9: 71 yang bermaksud:

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, adalah setengah penolong separuh lagi meminta untuk melakukan perkara yang baik, bukan untuk melakukan perkara jahat, mereka mendirikan ibadah dan zakat, dan taat kepada Allah dan rasul-Nya. Mereka akan diberikan rahmat oleh Allah SWT. Sesungguhnya Allah maha berkuasa dan lagi bijaksana.

Pada tahun kedua kalendar Hijrah, zakat telah dikuatkuasakan tetapi sebelum itu adalah pemberian dan sumbangan. Kesempurnaan adalah secara sukarela (Ali Sarbiji, 1993). Islam menggalakkan status penerima zakat, dan mereka menganggap tanggungjawab membantu mereka menjadi Muslim yang berkebolehan sebagai satu kewajipan yang mesti dipatuhi, seperti yang diterangkan dalam Surah Al-Ma'arij ayat 24-25 yang bermaksud:



“Mereka (menentukan bahagian) dari harta mereka, menjadi hak untuk mengetahui. Untuk orang miskin yang meminta-minta dan orang miskin yang menahan diri (bukan bertanya).

Mustafa al-Siba'i (2012) menegaskan pemberian orang yang disebut dalam ayat ini adalah keadaan fikiran mereka, iaitu menerimanya dengan bangga. Ini kerana subsidi adalah hak mereka untuk dibayar untuk bekerja sebagai pekerja. Peristiwa ini menggambarkan keindahan zakat itu sendiri sebagai tonggak sistem ekonomi Islam ialah pembangunan seluruh ekonomi sosial. Oleh itu, semua orang yang berkemampuan hendaklah mempelajari syarat-syarat rukun Islam yang ketiga dengan mengambil bahagian dalam pengeluaran dan pengagihan zakat (Ghazali, 2005). Sekiranya keperluan ini diabaikan, kelestarian kelebihan alat Zakat dalam mewujudkan kesejahteraan Uma tidak akan dapat direalisasikan sepenuhnya. Melalui sistem zakat, jurang sosio-ekonomi antara golongan kaya dan golongan miskin dapat direalisasikan dengan menyedari bahawa golongan yang berkemampuan ini juga mempunyai hak dan bahagian tertentu dalam harta mereka (Mahmood, 2003).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Program yang terdapat didalam kajian kertas kerja ini ialah berkenaan tentang program pembangunan golongan asnaf atau dalam erti kata lain orang yang lebih memerlukan. Asnaf adalah orang yang mengalami kesukaran dalam hidup dan merupakan golongan yang memerlukan bantuan zakat. Biasanya, orang-orang ini berurusan dengan pelbagai isu, dan sukar bagi mereka untuk memperoleh sumber kewangan untuk terus menjalani kehidupan mereka. Hanya asnaf yang beragama Islam sahaja yang layak mendapat zakat. Selain menerima zakat mereka juga berhak untuk mendapatkan pelbagai bantuan bagi menyara hidup mereka. Pada masa kini kita dapat lihat terdapat banyak badan kebajikan yang membuat pelbagai program untuk membantu golongan yang susah untuk menyara hidup mereka.

Sebagai contoh, pihak baitulmal iaitu Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) setiap tahun menyediakan program untuk membantu golongan asnaf atau yang lebih memerlukan. Mereka juga telah menyediakan laman sesawang rasmi bagi sesiapa yang memerlukan bantuan. Hal ini demikian kerana ianya dapat memudahkan bagi sesiapa yang memerlukan bantuan lagi-lagi pada masa kini negara kita sedang dilanda pandemik 'Covid-19'.

Namun begitu, sebelum negara kita dilanda pandemik ini program pembangunan asnaf sebelumnya dilakukan secara bersemuka dengan harapan lebih mudah untuk pelbagai badan kebajikan yang ingin membantu untuk mengagihkan keperluan yang diperlukan oleh golongan asnaf. Bagi tahun 2016 sehingga 2019 program-program khas bagi golongan asnaf dilakukan secara bersemuka dan kemudian program-program tersebut sudah terhad untuk mereka lakukan secara bersemuka. Terdapat banyak program-program yang telah dianjurkan oleh pelbagai badan kebajikan tidak kira program pembangunan untuk golongan asnaf yang berada di kawasan pendalaman ataupun di bandar. Mereka juga membantu anak-anak golongan asnaf yang memerlukan bantuan untuk menyambung pembelajaran dan sebagainya bagi memudahkan kehidupan golongan tersebut.

Seterusnya kajian akan membincangkan tentang kadar agihan zakat bagi negeri Sarawak bagi tahun 2016 sehingga 2020 kita boleh lihat melalui portal rasmi Tabung Baitulmal Sarawak (TBS). Kutipan zakat harta dan fitrah bagi negeri Sarawak adalah sudah tentu untuk membantu golongan yang memerlukan dan yang telah ditetapkan. Pada masa kini terdapat banyak portal yang memaparkan statistik bagi agihan zakat dan kadar nisbah zakat harta dan fitrah. Melalui portal tersebut kita dapat lihat berapa kutipan zakat bagi negeri Sarawak pada setiap tahun.

Selain itu kita sewajibnya hendaklah mengeluarkan zakat bagi membantu orang-orang yang tertentu. Melalui portal statistik agihan zakat bagi negeri Sarawak kita dapat lihat kutipan jumlah keseluruhan agihan zakat meningkat setiap tahun namun menurun pada tahun 2017. Namun tiada bilangan penerima pada tahun 2019 sehingga 2020 perkara ini terjadi kerana pandemik 'Covid-19' yang sedang melanda negara kita pada tahun tersebut.

KONSEP ZAKAT DAN ASNAF ZAKAT

Dari sudut bahasa, zakat merupakan perkataan yang berasal daripada perkataan (زَكَاةً), yang didefinisikan sebagai kesucian atau kesuburan, termasuk kebersihan, keberkatan, kesejahteraan dan manfaat kepada harta zakat, pembayar zakat dan penerima zakat. Menurut syarak pula, Zakat ialah mengeluarkan harta tertentu dengan nisbah tertentu mengikut syarat tertentu dan mengagihkannya kepada kumpulan tertentu. Zakat merupakan fardhu ain yang diwajibkan kepada semua individu Islam yang lengkap segala kriteria dan peraturan-peraturan wajib untuk berzakat. (Mujaini Tarimin, 2005) Oleh itu, orang Islam yang enggan menunaikan kewajipan zakat boleh membawa kepada murtad dan individu Muslim yang tidak melunaskan zakat tanpa mengingkari kewajipannya adalah berdosa besar. Kerajaan memikul tanggungjawab yang besar untuk menguruskan kutipan dan pengagihan zakat. (Abi Ishaq Ibrahim bin 'Ali, 1995).

Allah S.W.T berfirman dalam surah Attaubah Ayat 60 yang bermaksud; “Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan para amil yang mengurus zakat, dan orang-orang yang mu'allaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan kepada) jalan Allah S.W.T dan orang-orang musafir (yang keputusan)



dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnyanya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah maha mengetahui lagi maha bijaksana,”. (Patmawati Ibrahim, 2008).



TABUNG BAITULMAL SARAWAK SELAKU BADAN KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT

Di Malaysia terdapat pelbagai organisasi yang telah ditubuhkan bagi membantu golongan yang susah dan memerlukan. Hal ini demikian kerana organisasi ditubuhkan tersebut sudah tentu akan dimanfaatkan dengan baik iaitu mereka akan membantu golongan yang memerlukan. Antara organisasi yang kita ketahui secara umum di Sarawak ini ialah sudah tentu Tabung Baitulmal Sarawak (TBS). Seperti yang kita sedia maklum Tabung Baitulmal Sarawak telah banyak menyumbang pelbagai jenis bantuan kepada golongan yang memerlukan selain daripada itu mereka juga memainkan peranan yang besar dalam pengurusan zakat, wakaf dan sedekah di negeri Sarawak ini. Kerajaan negeri Sarawak menubuhkan Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) di bawah Ordinan Majlis Islam Sarawak (Pemerbadanan) (Pindaan) pada tahun 1984.

Pada mulanya pihak (TBS) digelar sebagai Tabung Zakat dan Fitrah namun nama organisasi tersebut telah diperbaharui. Dana itu telah membantu ramai pelajar menghadiri kolej di Pusat Pengajian Tinggi Islam di dalam dan luar negara, serta menyokong umat Islam di Sarawak dengan isu kebajikan dan agama. Sebelum penubuhan Tabung Zakat dan Fitrah, umat Islam secara tradisinya menunaikan kewajipan zakat dengan mengagihkan hasil zakat tersebut kepada fakir miskin, badan kampung dan sebagainya. Setelah negara kita semakin berkembang dan pelbagai keperluan diperlukan oleh masyarakat di Malaysia terutamanya sudah tentu umat Islam maka bagi memastikan tabung tersebut terus sehingga ke masa kini tertubuhlah Tabung Baitulmal Sarawak.

Pada tahun 1985 secara rasmi Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) menjadi wakil Majlis Islam Sarawak dalam memastikan pengurusan zakat, sedekah dan juga wakaf umat Islam sentiasa terjaga. Oleh hal yang demikian pihak TBS memainkan peranan yang penting dalam memastikan prasana pengagihan, pengutipan dan mereka juga yang akan menguruskan kesemua dana-dana yang akan digunakan oleh umat Islam di Sarawak dari dahulu sehinggalah sekarang. Selain itu, pihak Tabung Baitulmal Sarawak juga memastikan bahawa setiap umat Islam di Sarawak sedar tentang betapa pentingnya tentang kewajipan berzakat di negeri tersebut.

Pada zaman yang serba moden kini pihak (TBS) juga telah menubuhkan satu portal rasmi dimana golongan masyarakat yang memerlukan bantuan boleh melayari laman sesawang tersebut dan juga terdapat aktiviti yang dilakukan oleh organisasi tersebut yang dimuat naik dalam portal rasmi mereka. Justeru kita dapat melihat program-program yang telah dibangunkan oleh mereka bagi memastikan masyarakat Islam yang memerlukan pertolongan atau bantuan di Sarawak tidak diabaikan dan sebagainya. Oleh itu, apa yang kita perlu tahu bahawa Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) merupakan salah satu organisasi Islam yang mempunyai matlamat yang penting dalam memastikan program pembangunan masyarakat Islam melalui kemudahan bantuan dalam bidang pendidikan, kebajikan dan pembangunan Islam. (TBS Sarawak)

KADAR AGIHAN ZAKAT DI SARAWAK PADA TAHUN 2016-2020

Menguruskan pengagihan zakat dengan amanah dan teliti kepada golongan-golongan asnaf yang layak untuk mendapat zakat adalah sesuatu perkara yang sangat signifikan dan hendaklah dititikberatkan demi mendepani era yang telah mencabar masakin. Hal ini demikian kerana zakat adalah instrumen percukaian dalam Islam dimana ia merupakan system agihan kekayaan yang unik kerana hanya golongan yang berkemampuan dan kaya sahaja dituntut untuk mengeluarkan zakat dan akan diagihkan terus kepada lapan golongan asnaf iaitu Fakir, Miskin, Mualaf, Amilm, Ibnu Sabil, Fisabilillah, Al Riqab, dan yang terakhir adalah Gharimin. Seterusnya, agihan zakat yang berkesan dan efektif akan memberi banyak manfaat terhadap golongan yang memerlukan. (Al-Qardawi, 1985).

Agihan zakat yang efektif kepada golongan asnaf penerima dicapai apabila dana zakat dapat disampaikan kepada asnaf dan seterusnya manfaat daripadanya dirasakan sendiri oleh golongan tersebut. ecekapan pengurusan kutipan dan agihan zakat merupakan aspek yang sangat penting selain merupakan tanggungjawab sesebuah institusi zakat. Dana zakat seharusnya mampu memberi impak dalam pembasmian kemiskinan masyarakat dan pembangunan ekonomi negara sekiranya aspek pengagihan zakat dititikberatkan. Agihan dana zakat juga memberi impak yang signifikan terhadap kualiti taraf hidup golongan asnaf yang turut dipengaruhi oleh kepuasan golongan asnaf terhadap agihan zakat. Justeru, penerimaan masyarakat terhadap kecekapan dan keadilan dalam pengurusan dana zakat oleh institusi zakat sangat kritikal untuk dibincangkan. Ini kerana keadaan ini boleh mempengaruhi prestasi kutipan dan agihan zakat secara jangka yang panjang. (Siti Mashitoh Mahmood, 2007)

Oleh itu, institusi zakat adalah peranan penting bagi memastikan pengurusan dalam mengagihkan zakat dengan Amanah dan cekap. Bukan itu sahaja, pihak pengurusan zakat hendaklah mengekalkan prestasi kutipan dan agihan zakat bagi mengekalkan keyakinan masyarakat dalam menunaikan zakat. Tabung Baitulmal Sarawak selaku institusi dan entiti yang bertanggungjawab dan telah diamanahkan untuk mengutip dan mengagihkan zakat, usaha ini telah jelas terbukti dan dapat dilihat melalui prestasi jumlah agihan dan kutipan zakat yang diperolehi pada saban tahun. Berikut adalah merupakan statistik berupa jadual yang telah merekodkan jumlah agihan zakat pada tahun 2016 hingga tahun 2020. Jadual 1:



JADUAL 1: JUMLAH AGIHAN ZAKAT TABUNG BAITUMAL SARAWAK MENGIKUT GOLONGAN ASNAF TAHUN 2016-2020 (RM)

KADAR AGIHAN ZAKAT PADA TAHUN 2016 HINGGA 2020 (RM)					
GOLONGAN ASNAF	2016	2017	2018	2019	2020
Fakir	RM 8,460,403.00	RM 963,407.00	n/a	RM12,001,561.55	RM12,757,616.10
Miskin	RM 3,158,923.00	RM 3,780,743.00	n/a	RM5,434,920.35	RM3,667,968.69
Amil	RM 6,425,708.00	RM 7,137,685.00	n/a	RM10,455,334.19	RM10,712,645.20
Muallaf	RM 2,669,591.00	RM 2,563,128.00	n/a	RM3,542,466.04	RM4,441,726.74
Riqab	RM 30,000.00	RM 30,000.00	n/a	RM0.00	RM0.00
Gharimin	RM 34,235.00	RM 14,615.00	n/a	RM17,465.00	RM221,538.30
Fisabilillah	RM26,027,601.00	RM25,630,178.00	n/a	RM34,916,471.58	RM38,575,429.63
Ibnu Sabil	RM 2,532.00	RM 3,368.00	n/a	RM885.00	RM397.00
Lain-lain	RM 1,554,156.00	RM 1,936,788.00	n/a	RM885.00	RM1,220,334.15
Jumlah Agihan	RM48,363,149.00	RM42,059,912.00	RM 63.1J	RM68,143,055.82	RM71,597,655.81

Note: 1) n/a: tiada data diperolehi

Berpandukan Jadual 1, kajian mendapati bahawa pada tahun 2016, jumlah agihan adalah sebanyak RM48,363,149.00 dan meningkat kepada RM 71,597,655.81 pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, pada tahun 2017, kadar agihan menurun kepada RM 42,059,912.00 berbanding dengan tahun 2016. Seterusnya, peningkatan jumlah agihan zakat tahunan ini meningkat tahun demi tahun kerana rakyatnya yang semakin bertambah iaitu pada tahun 2018, kadar agihan zakat mencecah sebanyak RM63.1 juta.

Namun begitu, pada tahun 2018, kajian mendapati bahawa tiada data yang diperolehi di mana mana sumber terutamanya di laman web Tabung Baitumal Sarawak bagi kadar agihan zakat kepada golongan asnaf. Seterusnya, bagi tahun 2019 pula, agihan zakat telah berjaya diagihkan sebanyak RM 68,143,055.82. Akhir sekali, kajian mendapati bahawa agihan zakat pada tahun 2020 telah mencapai sebanyak RM 71,597,655.81. Oleh itu, didapati bahawa kadar kutipan dan agihan zakat semakin meningkat walaupun mempunyai penurunan sedikit pada tahun 2017.

Melalui jadual 1, dapat dilihat bahawa pada tahun 2016, jumlah agihan zakat yang berjaya diagihkan alah sebanyak RM48,363,149.00 tetapi pada tahun 2017 jumlah agihan zakat telah menurun sebanyak RM 6, 303, 237.00 dan jumlah agihannya adalah sebanyak RM 42,059,912.00. Tambahan lagi, dukacita bahawa data untuk agihan zakat yang berjaya diagihkan bagi setiap golongan asnaf pada tahun 2018 adalah tiada. Hal ini demikian kerana, pada tahun 2018. Tabung Baitumal Sarawak tidak membuat sebarang rekod untuk agihan tersebut.

Namun dapat diketahui bahawa jumlah agihan yang berjaya diagihkan adalah sebanyak RM 63, 100, 000.00. Akhir sekali, jumlah agihan zakat pada tahun 2016 hingga tahun 2020 adalah sebanyak RM 293,263,772.60. Justeru, berlaku keadaan tidak konsisten penurunan dalam lebihan zakat tahunan apabila sepatutnya jumlah lebihan zakat



tahunan dikurangkan bagi membolehkan dana zakat yang dikutip pada suatu tahun dapat diagihkan sepenuhnya pada tahun tersebut. Jadi, secara keseluruhannya, agihan zakat oleh Tabung Baitulmal Sarawak telah menunjukkan keberkesanan dan keberjayaan dalam mengagihkan zakat tersebut dengan adil dan saksama.

PROGRAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN ASNAF DI SARAWAK

Objektif Tabung Baitulmal Sarawak untuk menyumbang kepada pembangunan ummah dengan melalui Program Tradisi Pemantapan Ilmu, Program Pemantapan Kebajikan Ummah, dan Program Membangun Institusi Islam. Menyediakan infrastruktur kepercayaan masyarakat melalui kaedah pengurusan moden untuk mempromosikan pengurusan Zakat dan Sadaqatul Jariah Memperkukuh asas kuasa ekonomi Tabung Baitulmal Sarawak dengan mengkaji strategi dan peluang berpotensi untuk aktiviti pembangunan modal dan hartanah yang maju dapat menggerakkan tenaga kerja profesional dan agama untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan.

Di bawah peraturan Dewan Undangan Negeri Sarawak yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 27 Mei 1971, sepanjang 50 tahun penubuhan Yayasan Sarawak, Sarawak telah membuka jalan kepada era baharu pembangunan pendidikan di Sarawak. Pelbagai macam perkhidmatan pendidikan berbentuk biasiswa termasuk pinjaman telah memberi manfaat kepada beribu-ribu rakyat Sarawak.

Yayasan Sarawak sangat berperanan penting dalam membentuk pembangunan modal insan di negeri ini mengikut aspirasi negara maju serta berpendapatan tinggi menjelang 2030. Ketua Menteri Sarawak merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah Datuk Batinggi (Dr) Abang Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Openg terus menyuntik idea dan memperkenalkan dasar baharu untuk meluaskan peranan Yayasan Sarawak.

Selain itu, Yayasan Sarawak telah membelanjakan lebih RM260 juta untuk program dan program pendidikan rendah. Pada masa sama, setakat pinjaman pendidikan 2020, seramai 136,314 rakyat Sarawak melanjutkan pengajian di peringkat sijil, diploma, sarjana muda, sarjana, doktor falsafah atau profesional, membelanjakan lebih RM420 juta untuk program pinjaman pendidikan dalam dan luar negara. Biasiswa yang ditubuhkan termasuk Biasiswa Yayasan Tun Taib Sarawak dan Program Biasiswa Ijazah Perubatan. Yayasan sarawak terus peduli terbaik menyatakan usaha Yayasan Sarawak dengan kerjasama kerajaan Sarawak untuk memastikan setiap keluarga di seluruh Sarawak mendapat manfaat daripada setiap langkah yang dilaksanakan setakat ini. Pada awal tahun, terutama sebelum persekolahan bermula, ibu bapa sibuk membuat persiapan ke sekolah anak-anak.

Walau bagaimanapun, terdapat juga sebilangan kecil ibu bapa yang tidak dapat membuat persiapan yang secukupnya kerana kebolehan yang tidak mencukupi, dan terdapat ramai penyokong. Oleh itu, inisiatif bantuan bersatu yang dilancarkan pada tahun 2001 bertujuan untuk menyelesaikan masalah yang dinyatakan di atas. Fokus utama adalah untuk memastikan setiap murid yang berkebolehan rendah dapat membuat persediaan ke sekolah pada awal tahun. Dengan adanya bantuan seperti ini, maka tidak ada ibu bapa yang tidak berdaya untuk menghantar anak mereka untuk melanjutkan persekolahan.

KESIMPULAN

Sebagai rumusan, memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa zakat merupakan salah satu sumber kewangan dalam sesebuah negara Islam yang bertujuan untuk meningkatkan ekonomi masyarakat terutamanya golongan asnaf. Program pembangunan asnaf dan agihan zakat yang efektif dapat membantu dalam membangunkan kehidupan masyarakat yang unggul. Walaupun kutipan dan agihan zakat telah meningkat, namun peningkatan bilangan fakir dan miskin masih meningkat dari tahun ke tahun. Hal ini kerana terdapat beberapa kelemahan dalam kaedah peruntukan ini. Bagi membolehkan bantuan zakat memberi impak yang ketara kepada kualiti hidup fakir miskin dan mereka yang memerlukan, langkah-langkah tegas mesti diambil untuk memastikan kualiti hidup mereka sekurang-kurangnya terjamin dan mendapat akses kepada keperluan dan perkara yang mencukupi. Nilai bantuan zakat perlu dinilai semula berdasarkan keperluan semasa, kerana nilai bantuan yang diberikan adalah sangat kecil jika dibandingkan dengan keperluan hidup semasa.

RUJUKAN

- Al-Qardawi, Yusuf, (1985). *Fiqh al-Zakat*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Syarbini, Muhammad bin Ahmad al-Khatib, (1994), *Mughni Al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, t.tp: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah. Al-Syirazi,
- Abi Ishaq Ibrahim bin 'Ali, (1995). *Al-Muhadhab Fi Fiqh Al-Imam Al-Shafi'i*, Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Azman Ab Rahman et.al, "Zakat Institution In Malaysia: Problems And Issues", (2012). *Global Journal al-Thaqafah*, no.2
- Khairul Azhar Meerangani (2017) *Potensi Zakat Dalam Pembangunan Umat Islam Di Malaysia*, Seminar Antarabangsa Pembangunan Islam 2017, Kolej Universiti Islam Melaka
- Laman web rasmi Ukas Sarawak, <https://ukas.sarawak.gov.my/2021/05/26/ulang-tahun-yayasan-sarawak-ke-50-tahun-sebagai-pemangkin-pembangunan-pendidikan-di-sarawak/>
- Laman web rasmi Tabung Baitulmal Sarawak, <https://www.tbs.org.my/www/>



- Laman web rasmi Utusan Borneo, <https://www.utusanborneo.com.my/2019/09/14/rm109761-diagih-kepada-63-asnaf-melalui-tiga-program-utama-tbs>
- Mohd Rusydi Ramli Dan Luqman Abdullah (2016) Agihan Zakat Terus Kepada Asnaf: Analisis Fiqh Dan Kedudukannya Di Malaysia, Labuan E-Journal Of Muamalat And Society, Vol. 10, 2016, Pp. 86-100
- Mujaini Tarimin (2005) Zakat Menuju Pengurusan Profesional. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mujaini Tarimin (2005) Golongan Penerima Zakat. Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan. Shah Alam: Penerbit UiTM.
- Nik Mustapha Nik Hassan (2001) Semangat pengagihan Zakat ke Arah pembangunan Ekonomi. Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam. Kuala Lumpur: IKIM
- Patmawati Ibrahim (2008). "Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal". Jurnal Syariah, Jil. 6, Bil. 2
- Siti Mashitoh Mahmood, "Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan", (Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan, PWTC Kuala Lumpur, 2007)

eISSN 2948-5045

